



SIARAN AKHBAR

MESYUARAT GABENOR-GABENOR BANK PUSAT ASEAN (ACGM) KE-17 DAN MESYUARAT-MESYUARAT YANG BERKAITAN, (VIRTUAL)

Isnin, 29 Mac hingga Selasa, 30 Mac 2021

Dialog di antara Gabenor-Gabenor Bank Pusat ASEAN dengan Ketua-Ketua Institusi-Institusi Kewangan

1. Pada hari Isnin, 29 Mac 2021 Yang Mulia Dayang Hajah Rokiah binti Haji Badar, Pengarah Urusan Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah mempengerusikan sesi dialog di antara Gabenor-Gabenor Bank Pusat ASEAN dengan Ketua-Ketua Institusi-Institusi Kewangan ASEAN. Dialog ini menandakan bermulanya siri permesyuaratan Gabenor-Gabenor Bank Pusat ASEAN [ACGM]. Dialog ini berperanan sebagai satu landasan bagi Gabenor-Gabenor Bank-Bank Pusat ASEAN dan Institusi-Institusi Kewangan ASEAN untuk bertukar-tukar pandangan mengenai transformasi digital bagi sektor kewangan dan pembangunan kewangan lestari yang dihasratkan akan dapat menjadi pemangkin kepada agenda integrasi kewangan ASEAN.
2. Mesyuarat juga telah dihadiri oleh Gabenor-Gabenor Bank-Bank Pusat ASEAN, wakil-wakil daripada Bank-Bank Pusat ASEAN dan wakil-wakil daripada persatuan-persatuan bank-bank dari Negara-Negara Ahli ASEAN. Turut hadir semasa dialog tersebut adalah Mr. Ti Eng Hui, Pengerusi Brunei Association of Banks (BAB) dan Datuk Abdul Farid bin Alias, Pengerusi ASEAN Bankers Association.

Mesyuarat Gabenor-Gabenor Bank Pusat ASEAN [ACGM] ke-17

3. Mesyuarat Gabenor-Gabenor Bank Pusat Asean [ACGM] ke-17 telah diadakan pada hari Selasa, 30 Mac 2021 dan juga telah dipengerusikan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Rokiah binti Haji Badar.
4. Mesyuarat telah membincangkan dan meluluskan laporan perkembangan inisiatif-inisiatif integrasi kewangan ASEAN di bawah bidangkuasa ASEAN *Senior Level Committee on Financial Integration* dan dapatan daripada sesi Dialog di antara Gabenor-Gabenor Bank Pusat ASEAN dengan Ketua-Ketua Institusi-Institusi Kewangan ASEAN.
5. Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh Gabenor-Gabenor Bank-Bank Pusat ASEAN, wakil-wakil Bank-Bank Pusat ASEAN dan wakil-wakil Sekretariat ASEAN. Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Yang Mulia Dayang Hajah Noorrafidah binti Sulaiman, Timbalan Pengarah Urusan (Operasi Monetari/Perkembangan dan Antarabangsa) AMBD.

Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan dan Gabenor-Gabenor Bank Pusat ASEAN ke-7 dan Sesi Khas di antara Menteri-Menteri Kewangan dan Gabenor-Gabenor Bank Pusat ASEAN dengan Ketua-Ketua Institusi Kewangan Antarabangsa

6. Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan dan Gabenor-Gabenor Bank Pusat ASEAN (AFMGM) ke-7 dan Sesi Khas di antara Menteri-Menteri Kewangan dan Gabenor-Gabenor Bank Pusat ASEAN dengan Ketua-Ketua Institusi Kewangan Antarabangsa juga telah diadakan pada hari yang sama, dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, dan Yang Mulia Dayang Hajah Rokiah.
7. Mesyuarat membincangkan perkembangan dan kemajuan kumpulan-kumpulan kerja di bawah *Roadmap for Monetary and Financial Integration of ASEAN* (RIA-Fin) dan perkembangan ASEAN *Sustainable Finance Cooperation*.
8. Sesi khas tersebut bertukar pandangan bersama pihak *Asian Infrastructure Investment Bank (AIIB)*; *Asian Development Bank (ADB)*; *International Monetary Fund (IMF)*; *World Bank* dan *ASEAN+3 Macroeconomic Research Office (AMRO)* mengenai tinjauan serantau dan global dan juga usaha-usaha ke arah pemulihan yang inklusif dan berdaya tahan dengan menerapkan penggunaan teknologi.
9. Kenyataan Bersama bagi AFMGM ke-7 yang telah diluluskan oleh Menteri-Menteri Kewangan dan Gabenor-Gabenor Bank Pusat ASEAN boleh dimuat turun melalui laman sesawang Sekretariat ASEAN.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Ruj: AMBD/COMMS/3

Tarikh: 18 Syaaban 1442 / 1 Apr 2021